

 Pesuruhjaya Khas Cukai
Pendapatan, Johor Bahru

 12 Januari, 2021

 Jabatan Undang-Undang,
LHDNM

PANEL

Puan Rusidah Abu Bakar

PEGUAM BAGI KPHDN

Mohd Shafuddin Hasan
Nur Farahida Kamarudein

PEGUAM BAGI PERAYU

Perayu mewakili diri sendiri

PKCP MEMUTUSKAN TERDAPAT PETUNJUK-PETUNJUK PERDAGANGAN DALAM PELUPUSAN HARTANAH

KST v. KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI [KES RAYUAN PKCP(R) 491/2017]

Kata kunci: *petunjuk perdagangan – perenggan 4(a) Akta Cukai Pendapatan 1967.*

Dalam kes-kes rayuan yang melibatkan pelupusan atau penjualan hartanah seringkali isu yang menjadi persoalan adalah sama ada pelupusan atau penjualan hartanah tersebut patut ditaksir di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 ("ACP 1967") atau Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 ("ACKHT 1976").

Dalam kes ini, Perayu telah menjual tanah yang dikenali sebagai Lot PTD 18419 ("Tanah tersebut") berjumlah RM1,520,000.00 dan menghujahkan bahawa Perayu tidak mempunyai niat untuk berdagang. Perayu mendakwa bahawa pada awalnya tujuan Tanah tersebut diperolehi adalah untuk dibahagikan di antara 9 adik beradik Perayu tetapi kemudiannya bertindak untuk menjual Tanah tersebut setelah menerima tawaran daripada pemaju.

Responden mendapati terdapat petunjuk-petunjuk perdagangan antaranya niat Perayu yang telah bertukar, tindakan Perayu yang melakukan perubahan dan penambahbaikan terhadap Tanah tersebut, tempoh pemilikan Tanah tersebut yang singkat, pengetahuan yang dimiliki oleh Perayu sebagai pengarah dalam salah sebuah syarikat kontraktor/pemaju hartanah dan juga beberapa fakta lain yang menjurus kepada niat untuk berdagang dalam pelupusan Tanah tersebut. Oleh itu, keuntungan yang diperolehi daripada transaksi pelupusan Tanah tersebut adalah tertakluk kepada cukai pendapatan.

Responden menghujahkan bahawa dalam menentukan sama ada wujudnya tindakan bersifat perdagangan oleh Perayu, fakta secara keseluruhan (*in totality*) perlu dilihat dan diambil kira oleh mahkamah dalam memberikan keputusan yang sewajarnya. Selain itu, niat atau motif semata-mata tidak dapat mengatasi apa yang sebenarnya dilakukan oleh Perayu.

Setelah mendengar keterangan dan hujahan daripada kedua-dua pihak, PKCP memutuskan bahawa taksiran yang dibangkitkan ke atas Perayu berkenaan dengan pelupusan Tanah tersebut adalah betul dan teratur. Oleh itu, rayuan Perayu telah ditolak dan taksiran di bawah perenggan 4(a) ACP 1967 dikekalkan.

